

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN MASJID ATAU SURAU DI
SELANGOR**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah tempoh pemprosesan Kerajaan meluluskan permohonan peruntukan pembaikan Masjid / Surau di Selangor?
- b) Berapakah jumlah peruntukan maksimum yang boleh diberikan oleh Kerajaan Selangor untuk pembaikan atau penyelenggaraan Masjid/ Surau?

JAWAPAN:

- a) Tempoh proses kelulusan untuk permohonan peruntukan pembaikan masjid dan surau bergantung kepada sesebuah bangunan. Proses penilaian kerosakan dan anggaran kos perlu dilakukan sebelum kerja-kerja baikpulih boleh dilaksanakan. Walau bagaimana pun, kelulusan ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan peruntukkan sedia ada.
- b) Kos baikpulih bagi masjid dan surau diperuntukan dibawah VOT P14-03001 dan P1404001. Pada tahun 2017 sejumlah RM7,062,498.43 diperuntukkan bagi masjid. Manakala RM900,000.00 pula bagi Surau. Had peruntukkan tersebut adalah bergantung kepada tahap kerosakan setiap bangunan terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : ISU JALAN TANPA GAZET DI KAMPUNG-KAMPUNG TRADISI

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk menggezetkan jalan-jalan kampung atas tanah persendirian yang telah lama digunakan sebagai jalan awam bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan atau menaik taraf jalan-jalan tersebut?
- b) Jika ya, nyatakan perancangannya.
- c) Jika tidak, nyatakan langkah-langkah Kerajaan.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB Dusun Tua, jalan-jalan kampung atas tanah persendirian tidak boleh diwartakan sebagai rizab jalan awam kerana bercanggah dengan peruntukkan Seksyen 62 KTN kerana pewartaan tanah kerajaan sebagai rizab awam hanya boleh dilaksanakan ke atas tanah kerajaan sahaja.
- b) dan c)

Kerajaan tidak bercadang mewartakan jalan-jalan kampung atas tanah persendirian. Namun pewartaan hanya boleh dilaksanakan sekiranya perkara-perkara berikut telah dilaksanakan:-

- i. Pemilik tanah telah menyerahkan sebahagian tanahnya untuk tujuan rizab jalan awam.
- ii. Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PEMULIHARAAN SUNGAI KLANG

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan perancangan pemuliharaan Sungai Klang setakat ini oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja pemuliharaan Sungai Klang sedang dilaksanakan melalui inisiatif pengeluaran sisa pepejal sungai di sepanjang 56 km bermula dari sempadan DBKL/MBPJ sehingga ke muara Sungai Klang.

Setakat Jun 2017, jumlah sisa pepejal yang telah dikeluarkan dari Sungai Klang adalah sebanyak 29,839 Metrik Tan. Pada tahun ini juga usaha pembersihan akan terus dipergiatkan lagi dengan pemasangan lapan log boom. Ini adalah tambahan kepada 48 log boom yang sedia ada.

Bagi inisiatif yang lebih komprehesif untuk meningkatkan kualiti air di Sungai Klang, penilaian terperinci terhadap pelbagai teknologi sedang dibuat dengan mengambilkira kos dan tahap keberkesanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) YANG MENGALAMI DEFISIT

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang masih mengalami defisit kewangan.
- b) Apakah langkah- langkah dan bantuan kerajaan negeri untuk membantu PBT berkenaan?
- c) Apakah strategi jangka panjang untuk membaiki kedudukan sumber kewangan PBT berkenaan?

JAWAPAN:

a) dan b)

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan 12 PBT Negeri Selangor berada di dalam keadaan yang baik. Ianya boleh dilihat melalui kedudukan rizab tunai yang direkodkan, di mana ia menggambarkan kemampuan kewangan PBT untuk menampung keseluruhan liabiliti atau tanggungan semasa PBT masing-masing.

Sehubungan itu, tiada PBT Negeri Selangor yang mencatatkan defisit berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2015 yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Walau bagaimanapun, jumlah rizab tunai PBT bagi tahun 2016 masih dalam semakan Jabatan Audit Negara. Butiran terperinci rizab tunai PBT Negeri Selangor adalah seperti jadual berikut:

**KEDUDUKAN RIZAB PBT SELANGOR DARI TAHUN 2014 SEHINGGA 2015
YANG TELAH DIAUDIT**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	RIZAB TUNAI (RM JUTA)	
	TAHUN 2014	TAHUN 2015
MBSA	370.84	401.13
MBPJ	420.85	411.22
MPK	28.86	82.89
MPAJ	92.87	107.91
MPSJ	128.49	102.52
MPS	44.77	70.53
MPKJ	172.84	207.50
MPSP	133.04	192.29
MDKS	(8.05)	12.17
MDHS	16.32	43.89
MDKL	28.77	35.03
MDSB	9.40	5.88
JUMLAH	1,439.00	1,672.96

- c) Dalam usaha memperkukuhkan rizab dan sekali gus memberi perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan mesra kepada rakyat, Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar perbelanjaan berhemah dan kawalan tunai yang berkesan bagi membantu meningkatkan rizab PBT Negeri Selangor melalui belanjawan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, PBT juga perlu mengawal dan memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan adalah seimbang dengan hasil yang boleh dikutip.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : BERAPA RAMAIKAH PEMAIN NEGERI SELANGOR BERJAYA DISERAP
MASUK MEWAKILI NEGARA UNTUK BERTANDING DI SUKAN SEA
TAHUN 2017 KUALA LUMPUR**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan butir-butir seperti acara bertanding dan sasaran pingat?

JAWAPAN:

a) Seramai 93 orang atlet Selangor

Bil.	Sukan	Bilangan Atlet
1	Akuatik (polo air)	6 orang
	Akuatik (renang)	5 orang
	Akuatik (terjun)	1 orang
2	Badminton	2 orang
3	Berbasikal	3 orang
4	Bola jaring	5 orang
5	Bola keranjang	10 orang
6	Bola tampar	8 orang
7	Gimnastik artistik	4 orang
	Gimrama	2 orang
8	Golf	2 orang
9	Karate do	6 orang
10	Kriket	10 orang
11	Lawan pedang	1 orang
12	Lawan bowls	2 orang
13	Menembak	5 orang
14	Muay	2 orang
15	Olahraga	1 orang
16	Pelayaran	1 orang
17	Pencak silat	1 orang
18	Petanque	1 orang
19	Ping pong	2 orang
20	Ragbi	1 orang
21	Sepak takraw	2 orang
22	Skuasy	3 orang
23	Taekwondo	2 orang

24	Tenis	2 orang
25	Tenpin bowling	3 orang
	JUMLAH	93 orang

Seramai 93 atlet Negeri Selangor dari 25 jenis sukan sedang mengikuti “Program Kita Juara” yang pemilihannya akan diumumkan dalam masa terdekat.

Pingat yang disasarkan adalah sasaran dari pihak Majlis Sukan Negara tau Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Pihak Majlis Sukan Negara juga akan membuat pengumuman melalui kenyataan media tentang sasaran pingat dalam masa terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PROGRAM BANTUAN SKIM FOODSTAMP KEPADA KELUARGA BAWAH
PENDAPATAN RENDAH**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk barangan menepati keperluan makanan asas berkhasiat penerima?
- b) Bolehkah dipermudahkan pemberian ini kepada bentuk baucar bulanan?
- c) Bolehkah nilai bantuan dinaikkan kepada minima RM100?

JAWAPAN:

a,b dan c)

Melalui Program 'Smart Selangor Food Stamp' , Kerajaan Negeri telah menyediakan keperluan makanan asas iaitu 10 kg beras, 1 kg gula, 2 kg minyak masak, 400 gram bihun dan 2 tin susu pekat manis kepada keluarga yang termiskin dari setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Dengan ini, Kerajaan Negeri dapat membantu keluarga miskin dari seluruh Negeri Selangor yang lebih memerlukan bantuan makanan asas serta membantu meringankan kos sara hidup yang kian meningkat. Kerajaan Negeri juga akan sentiasa memastikan kualiti bekalan barangan makanan asas bagi program ini berada di dalam keadaan yang baik dan sempurna.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian baucar telah disediakan melalui Program Jom Shopping yang merupakan bantuan sempena menyambut perayaan mengikut kaum kepada keluarga yang telah dikenalpasti oleh pihak DUN. Melalui program ini, penerima diberikan kebebasan untuk memilih barang-barang yang diperlukan sebagai persediaan menyambut perayaan masing-masing dipasaraya terpilih.

Pemberian barangan makanan asas secara fizikal ini juga sedikit sebanyak membantu rakyat Selangor dari kalangan keluarga yang miskin kerana program ini merupakan penjimatan dan jaminan kepada mereka untuk menerima bantuan makanan asas

secara bulanan. Oleh yang demikian, mereka dapat menggunakan gaji yang diterima bagi bulan tersebut untuk memenuhi keperluan lain.

Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menaikkan kadar bantuan kepada RM100.00 kepada setiap keluarga yang layak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini nilai kadar bantuan yang diberikan melalui program ini adalah sebanyak RM50.00 kepada setiap keluarga supaya lebih ramai penerima yang dapat menerima manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, cadangan ini boleh dipertimbangkan dan perlu diteliti kerana ianya akan melibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KARNIVAL KAMPUNGKU KESAYANGANKU (3K)

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana 3K dapat melahirkan masyarakat desa yang mengimarahkan masjid sebagai pusat pembangunan komuniti, membangun kampung sudut fizikal, spiritual dan ekonomi serta menyuburkan adat warisan kampung?

JAWAPAN:

- a) Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) merupakan program tahunan yang telah dilaksanakan bermula tahun 2015 untuk memperkasakan institusi kampung. Program ini juga diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2016 dan 2017 selepas mendapat maklum balas yang positif dari Pejabat Daerah dan juga penduduk kampung. Pada tahun 2017, Program 3K telah dilaksanakan di sembilan (9) buah daerah dalam Negeri Selangor.

Pembangunan Desa merupakan fokus utama pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri daripada 9 daerah dan mempunyai sebanyak 371 Kampung Tradisi di seluruh Selangor. Pembangunan di kampung-kampung jauh lebih ketinggalan berbanding pembangunan yang telah dicapai di bandar. Oleh yang demikian, dengan memberi tumpuan terhadap pembangunan desa, ianya dapat mengurangkan jurang di antara pembangunan di desa dan di bandar. Pelaksanaan Program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) di seluruh Negeri Selangor merupakan salah satu inisiatif dalam membangunkan desa selaras dengan prinsip Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap keperluan rakyatnya.

Program 3K telah bermula pada tahun 2015 dengan objektif utama untuk melahirkan masyarakat desa yang mengimarahkan institusi masjid sebagai pusat pembangunan komuniti, membangun kampung dari sudut fizikal, spiritual dan ekonomi serta dapat menyuburkan adat dan warisan kampung.

Program ini telah mencapai objektifnya dimana sepanjang dua (2) tahun pelaksanaannya iaitu pada tahun 2015 dan 2016, perjalanan program semakin tersusun, bilangan pengunjung semakin bertambah dengan bilangan penyertaan yang semakin meningkat bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan. Oleh itu Kerajaan

Negeri telah meneruskan pelaksanaan Program 3K pada 2017 dengan peruntukan sebanyak RM630,000.00.

Karnival 3K di meriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik yang boleh diikuti oleh segenap lapisan masyarakat yang merangkumi aktiviti keagamaan seperti ceramah agama, forum kekeluargaan, kursus imam dan bilal, qiamullail, kuliah maghrib, tahnik di ikuti dengan kenduri rakyat, sukaneka, nikah perdana, aktiviti larian, kayuhan, pertandingan masakan tradisional, aktiviti kanak-kanak supa dupa, sembelihan halal sehinggalah kepada lawatan turun padang oleh Y.B ke kawasan sekitar masjid tempat berlangsungnya Karnival 3K. Selain itu, acara lain yang turut di adakan adalah seperti pertandingan khat, mewarna, mencipta kad dua (2) dimensi, memasak dan gubahan sireh.

Bagi menjayakan program ini, masjid telah dijadikan sebagai lokasi program. Masjid sengaja dipilih sebagai lokasi penganjuran untuk memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa masjid bukan hanya dijadikan sebagai tempat beribadah semata-mata, tetapi juga boleh berfungsi sebagai sebuah pusat pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat.

Program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) ini dilaksanakan selama dua (2) hari dan dua (2) malam, iaitu pada hari Jumaat dan Sabtu bagi sembilan (9) daerah di Negeri Selangor dan melibatkan penyertaan semua kategori masyarakat yang terdiri daripada pimpinan masyarakat, ibu bapa, belia dan orang awam.

Pelaksanaan Program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) ini diharap dapat melahirkan keluarga yang harmoni berlandaskan acuan nilai agama dan nilai murni selain memupuk rasa kasih dan sayang kepada kampung halaman. Program ini juga diharap dapat melahirkan penduduk desa yang memperkasa institusi masjid sebagai pusat pembangunan komuniti, membangun kampung dari sudut fizikal, spiritual dan ekonomi serta dapat mengenengahkan adat Melayu dan warisan kampung.

Melalui Program 3K, Kerajaan Negeri telah memberi peluang dan ruang bagi peniaga serta usahawan kampung untuk memperkenalkan dan memasarkan produk-produk mereka sepanjang karnival berlangsung.

Justeru, masjid bukan sahaja dijadikan sebagai tempat untuk beribadah namun dijadikan juga tempat untuk mengembangkan ekonomi. Penyertaan penduduk di dalam aktiviti yang dilaksanakan memberi ruang kepada masyarakat desa untuk berjumpa dan berbincang dengan pemimpin serta menyumbang idea ke arah pembangunan komuniti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PASUKAN RESPONS BENCANA

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menubuhkan pasukan khas untuk menangani bencana seperti banjir kilat dan sebagainya yang banyak terjadi?
- b) Adakah Kerajaan Negeri hanya bergantung dengan jabatan dan agensi pusat sahaja?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2013 yang diadakan pada 2 Oktober 2013, telah menimbang dan meluluskan penubuhan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Objektif Penubuhan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) adalah seperti berikut :

- i. Memberi bantuan awalan terhadap aduan kecemasan dan bencana mengambil tempoh masa yang ditetapkan;
 - ii. Penyelarasan awalan bantuan bersama jabatan dalaman, agensi keselamatan dan penyelaras bencana daerah selaras dengan Arahan No. 20, Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebelum diambil alih oleh Jawatankuasa Pengurusan Kecemasan dan Bencana; dan
 - iii. Memastikan operasi bantuan dilaksanakan mengikut pelan Tindakan Tetap Pengurusan Kecemasan dan Bencana serta mematuhi Arahan Keselamatan yang telah digariskan.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 27/2013 yang diadakan pada 11 September 2013 dan telah disahkan oleh MMKN ke 28/2013 pada 18 September 2013, telah menimbang dan meluluskan penubuhan Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor. Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor ditubuhkan secara khusus untuk menangani isu dan masalah yang dihadapi dalam pengurusan bencana di Negeri Selangor. Unit ini akan berperanan seperti mana fungsi dan tugas Majlis Keselamatan Negara

Negeri Selangor yang diletakkan secara terus di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam aspek pengurusan bencana. Unit ini mengurusetiakan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Selangor bersama Angkatan Pertahanan Awam Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Fungsi dan Peranan Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor

- i. Memberikan nasihat mengenai pelaksanaan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju pengurusan Bencana.
- ii. Memberikan nasihat mengenai langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana dan Pencegahan Bencana.
- iii. Memaklumkan mengenai tahap Kesiapsiagaan Mekanisma Pengurusan Bencana.
- iv. Memaklumkan mengenai tahap Kesiapsiagaan Agensi Kerajaan dalam mengurus dan mengendalikan bencana.
- v. Memaklumkan semua keputusan yang dicapai dan kemajuan tindakan yang diambil oleh **Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)**.
- vi. Mendapatkan arahan, keputusan dan nasihat daripada **NADMA** di mana perlu, dalam usaha-usaha menangani bencana yang berlaku.
- vii. Menyelaras pengurusan dan pengendalian kejadian bencana yang memerlukan pengemblengan sumber di Peringkat Negeri dengan bantuan daripada Peringkat Pusat yang terhad.
- viii. Menyelaras pelaksanaan bantuan kemanusiaan dan Tindak Balas Bencana ke luar negara.
- ix. Melaporkan sebarang kejadian bencana yang berlaku kepada **NADMA** dan juga tindakan-tindakan yang diambil dari semasa ke semasa.
- x. Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar awam mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, dan pelaksanaan tadbir urus yang berkesan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan perkembangan terkini perkhidmatan Bas Smart Selangor.
- b) Sila nyatakan sehingga setakat ini berapakah jumlah peruntukan telah dibelanjakan dan senaraikan jajaran yang paling ramai penumpang.
- c) Sila huraikan apakah kaedah pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan semua perjalanan mengikut jadual.

JAWAPAN:

a)

1. Perkembangan terkini perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah seperti berikut:

1.1. Laluan bas

1.1.1. Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2017, perkhidmatan Bas Smart Selangor telah mempunyai 15 laluan di 11 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi tahun 2017, tambahan 15 laluan baru akan diperkenalkan dan tarikh operasi mengikut PBT adalah seperti berikut :

- (a) 1 Julai 2017 : Majlis Bandaraya Shah Alam
- (b) 6 Julai 2017 : Majlis Perbandaran Klang
- (c) 27 Julai 2017 : Majlis Perbandaran Selayang
- (d) 1 Ogos 2017 : Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam dan Majlis Daerah Hulu Selangor.

- 1.1.2. Pertambahan laluan pada tahun 2017 melibatkan **dua laluan baru** bagi Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) manakala **satu laluan baru** bagi kawasan Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

1.2. Jumlah bas

- 1.2.1 Sehingga 30 Jun 2017, jumlah Bas Smart Selangor yang beroperasi di 11 Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebanyak 52 buah bas.
- 1.2.2 Pada tahun 2017, terdapat penambahan enam buah bas di laluan sedia ada iaitu dua buah bas di laluan MPS dan empat buah bas di laluan sedia ada MPSp. Manakala pertambahan laluan baru akan melibatkan penambahan sebanyak 40 buah bas. Jumlah bas yang akan mula beroperasi pada bulan Julai dan Ogos 2017 adalah sebanyak 46 buah.
- 1.2.3 Secara keseluruhannya, jumlah bas bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah sebanyak 98 buah.

1.3. Statistik penumpang

Jumlah penumpang Bas Smart Selangor sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 8,831,429 penumpang. Butiran statistik penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut:

- | | |
|---------------------------------------|-----------------------|
| (a) Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015) | : 546,661 penumpang |
| (b) Tahun 2016 | : 4,163,654 penumpang |
| (c) Tahun 2017 (sehingga 30 Jun 2017) | : 4,121,114 penumpang |

b)

1. Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan bagi memastikan kesinambungan operasi Bas Smart Selangor dan juga penambahan laluan-laluan baru.
2. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini adalah berjumlah **RM32,901,312.64**. Keseluruhan kos tersebut adalah tidak termasuk kos laluan tambahan yang dibiayai sendiri oleh PBT. Butiran perbelanjaan adalah seperti berikut:
 - 2.1. Untuk tahun 2015, kos penyediaan perkhidmatan Bas Smart Selangor di tiga (3) PBT adalah sebanyak RM3,481,712.00. Pecahan kos adalah seperti berikut:

Butiran Kos Bas Smart Selangor Tahun 2015

Pihak Berkuasa Tempatan	Laluan 1 (RM)
Majlis Bandaraya Shah Alam	1,266,064.00
Majlis Perbandaran Subang Jaya	1,266,064.00
Majlis Perbandaran Klang	949,584.00
Jumlah Keseluruhan Tahun 2015	RM3,481,712.00

- 2.2. Kos penyediaan Bas Smart Selangor bagi tahun 2016 pula, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM11,360,910.64. Walau bagaimanapun, kos tersebut tidak termasuk laluan tambahan yang dibiayai sendiri oleh pihak MBSA dan MPSJ iaitu berjumlah RM3,146,928. Butiran perbelanjaan mengikut PBT adalah seperti berikut:

**Butiran Kos Perbelanjaan Penyediaan Bas Smart Selangor Tahun
2016 Mengikut PBT**

Pihak Berkuasa Tempatan	Laluan 1 (RM)	Laluan 2 (RM)	Laluan 3 (RM)	Jumlah (RM)
MB Shah Alam	624,128.00	1,894,008.00 (peruntukan MBSA)	1,262,672.00	3,780,808.00
MP Subang Jaya	624,128.00	1,262,672.00	1,252,920.00 (peruntukan MPSJ)	3,139,720.00
MP Klang	691,650.00	-tiada-		691,650.00
MP Ampang Jaya	1,266,064.00 (menggunakan peruntukan tahun 2015)			1,266,064.00 (Peruntukan 2015)
MP Kajang	1,266,064.00 (menggunakan peruntukan tahun 2015)			1,266,064.00 (Peruntukan 2015)
MP Selayang	1,250,796.00	-tiada-		1,250,796.00
MP Sepang	625,400.00	-tiada-		625,400.00
MD Kuala Langat	625,400.00	-tiada-		625,400.00
MD Kuala Selangor	621,448.32	-tiada-		621,448.32

Pihak Berkuasa Tempatan	Laluan 1 (RM)	Laluan 2 (RM)	Laluan 3 (RM)	Jumlah (RM)
MD Sabak Bernam	621,448.32	-tiada-		621,448.32
MD Hulu Selangor	619,040.00	-tiada-		619,040.00
Jumlah Keseluruhan				RM14,507,838.64

2.3. Kos bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM18,058,690.00 iaitu bagi pecahan berikut:

- Kos penyambungan kontrak bagi laluan sedia ada untuk tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017) sebanyak RM9,285,600.00; dan
- Manakala kos bagi laluan baru tahun 2017 sebanyak RM8,773,090.00 akan disalurkan kepada PBT pada bulan Ogos 2017. Kos ini tidak termasuk kos yang dibiayai PBT berdasarkan konsep 1 *plus* 1 yang telah disyaratkan kepada beberapa PBT supaya lebih banyak laluan baru dapat diperkenalkan untuk memenuhi keperluan dan kemudahan rakyat di Negeri Selangor. Butiran kos adalah seperti berikut:

**Pecahan Kos Laluan Baru Bas Smart Selangor Tahun 2017
Mengikut PBT**

Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Bas	Jumlah Kos	
		Peruntukan PBT (RM)	Peruntukan Kerajaan Negeri (RM)
MB Shah Alam			
- Laluan 04	- 4 bas	-	RM1,252,920
- Laluan 05	- 4 bas	RM1,252,920	-
MP Subang Jaya			
- Laluan 04 (A)	- 2 bas		
- 04 (B)	- 2 bas	-	RM 626,460

Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Bas	Jumlah Kos	
		Peruntukan PBT (RM)	Peruntukan Kerajaan Negeri (RM)
		RM 626,460	-
MP Klang			
- Laluan 02	- 4 bas	RM 626,460	RM 626,460
MP Ampang Jaya			
- Laluan 02	- 4 bas	-	RM1,252,920
- Laluan 03	- 3 bas	RM 939,690	-
MP Kajang			
- Laluan 02	- 2 bas	-	RM 626,460
- Laluan 03	- 2 bas	RM 626,460	-
MP Selayang			
- Tambahan bas	- 2 bas	RM 626,460	-
- Laluan 02	- 4 bas	-	RM1,252,920
MP Sepang			
- Tambahan bas	- 4 bas	RM 313,230	RM 939,690
- Laluan 03	- 2 bas	-	RM 626,460
- Laluan 04	- 2 bas	RM 626,460	-
MD Kuala Langat			
- Laluan 02	- 1 bas	-	RM 313,230
MD Kuala Selangor			
- Laluan 02	- 2 bas	-	RM 626,460
MD Sabak Bernam			
- Laluan 02	- 1 bas	-	RM 313,230
MD Hulu Selangor			
- Laluan 02	- 1 bas	-	RM 315,880
JUMLAH		RM5,638,320	RM8,773,090

Berdasarkan laporan statistik penumpang bagi tahun 2017 iaitu dari tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017, laluan yang menerima jumlah penumpang tertinggi adalah laluan Bas Smart Selangor MBSA01 yang menghubungkan laluan dari Stesen Komuter Seksyen 19 ke kawasan Komersil Seksyen 7, Shah Alam dengan jumlah penumpang sebanyak 622,346 orang.

- c) Perkhidmatan Bas Smart Selangor sentiasa dipantau secara berkala oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan kaedah seperti lawatan mengejut semasa pengoperasian bas serta semakan laporan jadual perjalanan yang dikemukakan oleh pihak operator bas yang dilantik. Pihak operator juga boleh dikenakan penalti sekiranya perkhidmatan bas tidak mengikut jadual perjalanan yang ditetapkan atau melanggar syarat-syarat yang telah dipersetujui di dalam kontrak perjanjian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : BANTUAN RM 2 JUTA KEPADA PELAJAR MESIR

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kaedah yang diguna pakai untuk memastikan pembahagian secara adil kepada pelajar?
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan meneruskan bantuan ini untuk semester atau tahun akan datang?
- c) Adakah YAB akan mencadangkan kepada LZS untuk menyambung semula tajaannya kepada pelajar-pelajar timur tengah?

JAWAPAN:

- a) Agihan pemberian Bantuan Khas Siswa Selangor kepada pelajar Mesir, Jordan dan Maghribi dibuat berdasarkan syarat dan prosedur yang telah diluluskan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Hanya pelajar yang memenuhi semua syarat kelayakan dan mengemukakan permohonan rasmi dengan lengkap dipertimbangkan untuk bantuan ini. Bagi memastikan kesahihan maklumat pemohon, Urus Setia telah mendapatkan pengesahan daripada pihak Lembaga Zakat Selangor dan Pejabat Atase Pendidikan Selangor di Mesir.
- b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 14 Jun 2017 telah meluluskan pelaksanaan Program Khas Peduli Siswa Timur Tengah ini sebagai Dasar Baru dalam Belanjawan tahun 2018.
- c) Sejak tahun 2003, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menyalurkan bantuan pendidikan di bawah asnaf fakir, miskin dan fisabilillah melalui Bantuan Dermasiswa Pelajar Luar Negara yang melanjutkan pengajian ke negara Timur Tengah. Bantuan ini disalurkan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian dalam bidang Pengajian Islam, Bahasa Arab, perubatan dengan kerjasama daripada Jabatan Agama Islam Selangor.

Namun begitu disebabkan faktor ketidaktentuan ekonomi, tumpuan pengagihan zakat di Selangor kini memfokuskan kepada Maqasid Syariah berdasarkan keperluan dharuriyat (bantuan utama), hajjiyyat (bantuan sekunder) dan tahsiniyat (bantuan pilihan). Ia memberi keutamaan bagi memenuhi keperluan asnaf asnaf utama iaitu fakir, miskin dan mualaf yang kian meningkat. Untuk makluman pada tahun 2016, LZS telah menyantuni seramai 45,600 ketua keluarga asnaf fakir dan miskin di seluruh Selangor dan jumlah ini bertambah setiap tahun.

Justeru itu bermula tahun 2017, permohonan baru bagi Bantuan Dermasiswa Pelajar Luar Negara di bawah asnaf fisabilillah sahaja ditangguhkan sehingga ke satu masa yang ditetapkan. Bagaimanapun bagi pelajar sedia ada dan masih meneruskan pengajian, LZS komited untuk terus menyalurkan bantuan kepada mereka.

Manakala permohonan Dermasiswa Pelajar Luar Negara di Mesir masih diteruskan bagi pelajar dalam kalangan asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan LZS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KANSER PAYUDARA

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dari program Mammogram Percuma, apakah program pencegahan kanser payudara yang dilaksanakan oleh KNS?
- b) Berapakah bilangan wanita yang telah dikenalpasti menghidap kanser payudara setelah menyertai program MammoSel?
- c) Apakah khidmat nasihat dan langkah-langkah susulan yang di sediakan bagi membantu mereka. Nyatakan.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : CUKAI SAMPAN

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan cukai sampan?
- b) Nyatakan kadar yang bakal dikenakan kepada para nelayan?
- c) Bilakah cadangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan cukai tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENYEDIAAN MAKANAN DI LORONG BELAKANG

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan bercadang untuk tegas mengambil tindakan tegas terhadap kedai-kedai makanan yang menjalankan aktiviti penyediaan makanan di lorong belakang melalui satu dasar yang seragam sedangkan banyak kedai masih degil?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT secara dasarnya mempunyai tatacara yang seragam ke atas syarat aktiviti perniagaan yang dikenakan ke atas peniaga kedai makanan, di mana syarat tersebut jelas menyatakan bahawa gerai-gerai, rak makanan dan peralatan tidak dibenarkan diletak atau disimpan di lorong belakang, siarkaki atau lorong tepi premis. Ini bermaksud peniaga tidak boleh berniaga makanan di lorong belakang dan bagi peniaga yang ingkar dan gagal mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh PBT, tindakan perundangan dan penguatkuasaan akan dikenakan terhadap mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : SUKAN PERAHU LAYAR

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka panjang kerajaan untuk membantu pembangunan sukan layar di Selangor
- b) Adakah kerajaan bersedia untuk menubuhkan dan membina Akademi Sukan Layar Selangor?

JAWAPAN:

- a) Perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor untuk membantu dalam membangunkan sukan layar di Selangor adalah dengan memperbanyakkan program – program di peringkat daerah yang berpotensi dan mempunyai kemudahan melalui konsep *2i (incorporate & intergrate)* iaitu dengan bekerjasama dengan organisasi lain sama ada dari agensi kerajaan mahupun swasta dan mengintegrasikan program – program ini supaya ianya mencapai satu objektif yang sama iaitu merencanakan pembangunan sukan perahu layar di semua daerah di negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Mjalis Sukan Negeri Selangor juga mempunyai kelebihan kerana Persatuan Sukan Layar merupakan persatuan yang komited dan sentiasa memastikan pembangunan sukan layar berjalan dengan baik di semua peringkat pembangunan.

- b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor tiada halangan dan bersedia untuk membantu pihak persatuan sekiranya pihak persatuan bersedia untuk menubuhkan dan membina Akademi Sukan Layar Selangor. Walaubagaimanapun, pelbagai aspek perlu diteliti antaranya dari aspek kejurulatihan, kemudahan asas, kemampuan persatuan dan kewangan yang perlu dipertimbangkan sebelum akademi ini boleh diwujudkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PELABURAN

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha untuk menjadikan Selangor lebih kompetitif untuk menarik pelaburan domestik dan luar negara?
- b) Berapakah pelaburan ke Negeri Selangor berbanding Negeri lain di Malaysia semenjak 2008 hingga kini?

JAWAPAN:

- a) Dalam usaha untuk menjadikan Selangor lebih kompetitif untuk menarik pelaburan domestik dan luar negara, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menarik pelaburan dalam industri berteknologi tinggi. Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada 5 sektor industri utama iaitu:-
 - i. Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*).
 - ii. Peralatan Pengangkutan (*Transport Equipments*).
 - iii. Sains Hayat (*Life Sciences*).
 - iv. Makanan (*Food Industries*)
 - v. Mesin & Peralatan (*Machinery & Equipments*)

Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang di negeri Selangor seperti:-

- i. *E - Commerce*
- ii. *Bio - Teknologi*
- iii. *Aero - Angkasa*
- iv. *Industri Halal*

Bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan dan menarik pelaburan masuk ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah merangka beberapa strategi seperti berikut:-

Strategi jangka masa panjang:-

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti:-
 1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
 2. Halal International Selangor Council
 3. *Selangor Aerospace Council*
 4. *Bio Tech - Council*
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- iv. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik.
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- vii. Pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- ix. Penganjuran Ekspo dan Forum bertaraf antarabangsa.

Strategi jangka masa pendek:-

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
 - ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
 - iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
 - iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
 - v. Menyediakan peruntukkan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT.
 - vi. Mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Bagi tempoh 2008 hingga 2016, sebanyak 2,341 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 82,468,986,983 (RM 82.468 bilion)**. **Selangor menduduki tangga kedua dari segi nilai pelaburan selepas Negeri Johor** yang merekodkan nilai pelaburan tertinggi berjumlah **RM 128,494,316,908 (RM 128.494 bilion)**.

Kedudukan Negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain di Malaysia seperti berikut;-

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor D.T.	1,545	156,508	72,743,017,445	55,751,299,463	128,494,316,908
Selangor D.E.	2,341	192,270	41,680,203,171	40,788,783,812	82,468,986,983
Sarawak	258	39,909	26,744,139,772	48,370,778,016	75,114,917,788
Pulau Pinang	1,108	139,133	19,506,851,213	39,722,986,257	59,229,837,470
Melaka	272	35,821	12,000,173,754	13,801,620,934	25,801,794,688
Kedah D.A.	381	40,012	5,771,518,765	18,337,099,912	24,108,618,677
Sabah	238	21,796	14,078,548,706	8,669,580,118	22,748,128,824
Perak D.R.	392	45,855	9,731,740,353	12,500,495,482	22,232,235,835
Negeri Sembilan D.K.	313	29,800	6,449,812,133	13,861,387,132	20,311,199,265
Pahang D.M.	165	15,306	6,837,493,111	11,079,600,754	17,917,093,865
Terengganu D.I.	90	13,469	5,256,619,649	8,357,542,766	13,614,162,415
Kelantan D.N.	44	5,809	2,854,477,288	875,513,994	3,729,991,282
W.P. - Kuala Lumpur	89	5,133	979,990,575	231,491,723	1,211,482,298
Perlis I.K.	12	883	375,365,712	109,994,700	485,360,412
W.P.- Labuan	8	227	85,163,389	45,256,730	130,420,119
Jumlah	7,256	741,931	225,095,115,036	272,503,431,793	497,598,546,829

Sumber : Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Nota : Statistik pelaburan hanya dari tahun 2008 hingga 2016 sahaja kerana sehingga kini Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia masih belum mengumumkan statistik pelaburan yang terkini bagi tahun 2017

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SKIM SMART SEWA

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kewangan yang terlibat setakat ini bagi proses pemilikan dan penyediaan rumah-rumah untuk disewakan?
- b) Apakah strategi untuk penyewa mampu memiliki rumah sendiri?
- c) Adakah wujud rundingan untuk mendapatkan dana daripada Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, jumlah peruntukan kewangan yang terlibat setakat ini bagi proses pemilikan dan penyediaan rumah-rumah untuk disewakan yang dikenali sebagai **Skim 'Smart Sewa'** adalah sebanyak RM 102.68 juta daripada Kerajaan Negeri. Menerusi bajet 2015, Kerajaan Negeri mula memperkenalkan skim ini dengan dana permulaan sebanyak RM 1.68 juta melibatkan 100 unit. Usaha ini diteruskan lagi di bawah Bajet 2016 sejumlah RM 1 juta dan bajet 2017 dengan peruntukan sebanyak RM 100 juta dengan anggaran pembelian sebanyak 590 unit.
- b) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim 'Smart Sewa' bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa pada kadar berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka ini akan diberi tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama 2 tahun dan maksima selama 5 tahun. Penyewa akan mendapat balik 30 peratus daripada jumlah sewaan yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dalam tempoh minima 2 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan kepada pemohon selama tempoh simpanan tersebut maka bayaran tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan memberikan keutamaan dalam

penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit.

- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada mengadakan rundingan untuk mendapatkan dana daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan Skim ini. Pelaksanaan skim ini adalah melalui peruntukan Kerajaan Negeri sendiri dan setakat ini skim ini telah berjalan dengan lancar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : JUMLAH PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN PASANGAN ISLAM

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perkahwinan dan penceraian pasangan Islam di Selangor untuk tempoh 2014-2016?
- b) Sebanyak mana pula perkahwinan gadis bawah umur yang telah dibenarkan oleh Mahkamah Syariah di Selangor?
- c) Apakah usaha kerajaan untuk membantu pasangan-pasangan yang berhadapan dengan masalah untuk bercerai?

JAWAPAN:

- a) Jumlah perkahwinan dan penceraian pasangan Islam di Selangor untuk tempoh 2014-2016 adalah seperti berikut:

Tahun	Nikah	Cerai
2014	21,694	6,895
2015	24,112	8,063
2016	22,357	8,721

- b) Berdasarkan kepada rekod pendaftaran kes di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS), jumlah Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur yang didaftarkan di Negeri ini dalam tempoh 2014 - 2016 adalah sebanyak 230 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 207 permohonan diluluskan oleh mahkamah, manakala yang selebihnya dibuang, ditolak atau pemohon menarik semula permohonan mereka. Data terperinci adalah seperti berikut:

Bil	Status/Tahun	2014	2015	2016	Jumlah
1.	Lulus Permohonan	56	85	66	207
2.	Batal/Buang Permohonan	3	3	2	8
3.	Tolak Permohonan	4	2	3	9
4.	Tarik Balik Permohonan	5	1	0	6
Jumlah		68	91	71	230

c) Di antara usaha yang diambil oleh JAIS bagi membantu pasangan-pasangan yang berhadapan dengan masalah untuk bercerai adalah:

1. Melantik Pegawai Khidmat Nasihat dan menempatkan di seluruh Pejabat Agama Islam Daerah yang berperanan untuk:
 - i. Menerima sebarang aduan rumahtangga
 - ii. Memberi khidmat nasihat dan kaunseling
 - iii. Mengenalpasti punca masalah dan perselisihan pasangan
 - iv. Memberi bimbingan penyelesaian konflik dan jalan keluar masalah
2. Membentuk Jawatankuasa Pendamai dan melaksanakan sesi pendamaian bagi pasangan yang telah mengemukakan permohonan cerai di Mahkamah Syariah dan mahkamah mendapati ada kemungkinan munasabah pasangan tersebut boleh berdamai.
3. Melaksanakan operasi Pusat Khidmat Keluarga Sosial dan Komuniti yang turut merangkumi Modul Perkhidmatan Keluarga Bermasalah.
4. Mendidik masyarakat melalui penganjuran program-program kekeluargaan secara holistik bermula dari kelahiran, remaja sehingga membina keluarga, antaranya:
 - i) Program Modul Keluarga Sakinah
 - Syurga Rumahtangga “ Suamiku Inspirasiku Isteriku Bidariku”
 - Amanah dalam Rumahtangga
 - Akidah Sejahtera Keluarga Terpelihara
 - Zina : Maksiat Paling Keji Dilaknat Allah
 - Maqasid Syariah Membawa Kebaikan Kepada Keluarga

- ii) Program Pasca Perkahwinan
 - Bulan Madu (bagi usia perkahwinan 0 – 5 tahun)
 - Sehati Sejiwa (bagi usia perkahwinan 6 – 10 tahun)
 - Semarak Kasih (bagi usia perkahwinan 11 – 20 tahun)
 - Syurga Cinta (bagi usia perkahwinan 20 tahun ke atas)

- iii) Program Seminar Keluarga Bahagia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN NEGERI
2017**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Untuk peruntukkan pembangunan di Bajet Kerajaan Negeri Selangor 2017, berapakah peratus yang telah dibelanjakan? Sila nyatakan peratus ini mengikut jabatan.
- b) Sila jelaskan (a) terutamanya untuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Menteri Besar.

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM1.8 bilion bagi tujuan menampung pelaksanaan projek dan program pembangunan bagi sembilan (9) vot jabatan di Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 34.7% iaitu RM624,432,551.72 telah dibelanjakan/dalam tanggungan sehingga 30 Jun 2017 dengan perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan mengikut jabatan adalah seperti berikut:

KOD	JABATAN	PERUNTUKAN 2017 (RM)	PERBELANJAAN / TANGGUNGAN (RM)	PRESTASI BELANJA %
P01	PEJABAT MB & SUK	1,107,877,500.00	449,206,896.96	40.5%
P04	PERBENDAHARAAN NEGERI	2,050,000.00	-	0.0%
P08	JABATAN PERTANIAN	18,000,000.00	11,893,011.31	66.1%
P10	JABATAN PERHUTANAN	7,000,000.00	1,270,798.95	18.2%
P12	JABATAN KERJA RAYA	390,000,000.00	93,321,168.60	23.9%
P13	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	135,000,000.00	27,996,409.08	20.7%
P14	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	128,500,000.00	38,434,113.53	29.9%

P16	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	4,097,500.00	751,684.41	18.3%
P17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	7,475,000.00	1,558,468.88	20.8%
	JUMLAH	1,800,000,000.00	624,432,551.72	34.7%

- b) Daripada RM1.8 bilion yang telah diluluskan pada tahun 2017, sebanyak RM1,107,877,500.00 diperuntukkan di bawah Vot P01 – Menteri Besar dan SUK dengan perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan sehingga 30 Jun 2017 mengikut jabatan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA JABATAN	PERUNTUKAN 2017 (RM)	BELANJA / TANGGUNGAN 2017 (RM)	BAKI (RM)	PRESTASI (%)
1	Seksyen Makro Dan Penswastaan	421,379,380.00	151,167,152.88	270,212,227.12	35.9%
2	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan	166,750,000.00	28,020,259.39	138,729,740.61	16.8%
3	Seksyen Sektor	94,713,120.00	36,514,199.44	58,198,920.56	38.6%
4	Seksyen Agihan Dan Pembangunan	269,454,960.00	182,219,465.43	87,235,494.57	67.6%
5	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	82,300,000.00	48,518,945.88	33,781,054.12	59.0%
6	Bahagian Teknologi Maklumat	8,730,000.00	1,699,138.43	7,030,861.57	19.5%
7	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan	500,000.00	374,000.00	126,000.00	74.8%
8	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	9,050,020.00	329,415.51	8,720,604.49	3.6%
9	Lembaga Perumahan Hartanah Selangor	45,000,020.00	-	45,000,020.00	0.0%
10	Pejabat Menteri Besar	8,000,000.00	364,320.00	7,635,680.00	4.6%
11	Lembaga Urus Air Selangor	2,000,000.00	-	2,000,000.00	0.0%
	JUMLAH KESELURUHAN	1,107,877,500.00	449,206,896.96	658,670,603.04	40.5%

Berdasarkan jadual di atas, masih tiada perbelanjaan dibuat bagi Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor kerana penyaluran peruntukan akan disalurkan berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) yang akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk projek dan kajian yang telah diluluskan.

Manakala prestasi perbelanjaan bagi Vot P12 – Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah 23.9% bagi tujuan menampung pelaksanaan 95 buah projek fizikal manakala prestasi bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula sebanyak 20.7% iaitu sejumlah RM27,996,409.08 telah dibelanjakan daripada peruntukan RM135 juta bagi tahun 2017 untuk 104 projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Negeri Selangor.

Prestasi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017 telah ditetapkan sebanyak 95% atau RM1.71 bilion dan semua jabatan komited untuk memastikan prestasi tersebut dapat dicapai dan memastikan semua pelaksanaan projek yang telah dirancang dibuat mengikut jadual.

Mekanisme pemantauan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri bagi tahun 2017 di peringkat Kerajaan Negeri dibuat melalui Jawatankuasa Tetap Kewangan yang dipengerusikan oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor yang dibuat sebanyak empat (4) kali setahun. Selain itu, pemantauan juga dibuat melalui Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg) yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri yang bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Perancangan Projek Pembangunan Negeri (JKTPN) yang dipengerusikan oleh YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) yang bermesyuarat sebanyak enam (6) kali setahun.

Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017 adalah sebanyak **95%** sejajar dengan perkembangan status kemajuan fizikal projek yang telah dirancang yang mana 80% projek fizikal perlu disiapkan iaitu sebanyak 278 buah projek dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas Negeri Selangor (RMKe-11) iaitu mulai tahun 2016 dan berakhir pada tahun 2020.

Selain daripada tiga (3) jawatan kuasa tersebut, mesyuarat penyelarasan dan pemantauan projek bermasalah juga turut diadakan bagi mendapatkan jalan penyelesaian segera. Pemantauan secara bulanan melalui Laporan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan perlu dikemukakan oleh semua jabatan dan diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Langkah proaktif juga telah diambil melalui pemantauan laporan prestasi perbelanjaan secara mingguan yang telah berkuat kuasa pada 7 Julai 2017 bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : ISU KESAN SAMPINGAN LAMBAKAN WARGA ASING DI KAWASAN PBT

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan negeri terhadap kelompok warga asing yang menyumbang masalah sampah 'haram', penyakit berjangkit dan perniagaan di tepi jalan serta jenayah?
- b) Adakah kerajaan mempunyai direktori /data taburan warga asing dalam kawasan PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT boleh mengambil tindakan terhadap kelompok warga asing yang menyumbang kepada masalah sampah 'haram' dengan mengadakan operasi pemantauan kebersihan. Sampah-sampah di kawasan komersil yang didiami oleh warga asing akan dikutip dengan kekerapan empat (4) kali seminggu. Warga asing yang membuang sampah haram dikehendaki membayar denda secara serta-merta di tempat kejadian sebanyak RM100.00 kerana kebiasaannya warga asing tidak membayar kompaun yang dikeluarkan dan menyukarkan PBT untuk mengesan warga asing yang dikenakan kompaun.

Manakala tindakan bagi memastikan tiada penularan penyakit berjangkit yang dibawa oleh warga asing adalah dengan memastikan semua warga asing yang masuk ke negara ini telah menjalani saringan kesihatan. Warga asing yang terlibat dalam industri makanan pula wajib mendapatkan suntikan TY2 bagi mencegah penyakit thypoid. Tindakan kompaun dan pemetongan markah penilaian premis boleh dikenakan terhadap majikan yang menggajikan pekerja yang mengendalikan makanan tanpa mendapatkan suntikan TY2. Bagi kawalan penyakit denggi khususnya, premis yang didiami warga asing yang berpotensi sebagai tempat pembiakan nyamuk, tindakan akan diambil di bawah kesalahan kacauganggu awam, Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu dengan penyerahan notis arahan penghapusan kacauganggu.

Seterusnya, PBT tidak mengeluarkan sebarang lesen atau permit perniagaan kepada warga asing. Bagi warga asing yang menjalankan perniagaan di tepi jalan, tindakan tegas akan diambil dengan merampas dan menyita peralatan perniagaan di lokasi tersebut. Barang yang disita tidak akan dikembalikan dan tidak boleh dituntut bagi memastikan mereka tidak akan kembali menjalankan aktiviti perniagaan semula.

Jika PBT mempunyai maklumat berkaitan warga asing yang tidak mempunyai permit, PBT akan menyalurkan maklumat kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan membantu pihak JIM bagi operasi mencegah jenayah di kawasan pentadbiran PBT masing-masing.

- b) Berdasarkan sumber maklumat daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), anggaran terkini jumlah pekerja asing yang bekerja di Selangor dari Januari hingga Jun 2017 adalah seramai **27,439** orang. Perincian pekerja asing mengikut sektor adalah seperti di **Jadual 1**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SMART HOME

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi dan projek-projek *SMART HOME* dan pemaju terlibat dalam Selangor dan apakah ciri-ciri *SMART HOME* ini yang selaras dengan visi *SMART SELANGOR*?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai mekanisme dan garis panduan dalam meluluskan projek *SMART HOME*?

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab sekali

Untuk makluman Y.Berhormat, Kerajaan Negeri menerusi bajet 2016 telah memperuntukkan RM 10 juta untuk rumah pertama di bawah Skim 'Selangor Smart Home Buyers'. Kerajaan negeri akan menyediakan pendahuluan bayaran deposit sepuluh peratus (10%) untuk membeli rumah Selangorku untuk jenis A, B dan C. Berikutan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 35/2016 pada 19 Oktober 2016 telah bersetuju akan pelaksanaan skim ini namun pihak Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) perlu mengkaji dan meneliti secara terperinci akan mekanisme pelaksanaan skim ini dari sudut perundangan dan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) sebelum dilaksanakan.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih meneruskan perbincangan lanjut dengan pihak Bank Negara dan juga pelbagai institusi kewangan/ bank iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pembangunan Malaysia, Maybank Berhad dan Bank Persatuan Malaysia Berhad bagi memuktamadkan mekanisme terbaik dalam melaksanakan skim ini selaras dengan dasar peduli rakyat.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut telah mengadakan perbincangan bersama pihak Hijrah Selangor sebagai Special Purpose Vehicle (SPV) dalam melaksanakan skim pinjaman ini kepada pemohon terlibat. Berdasarkan perbincangan dan maklum balas daripada semua pihak terlibat, terdapat 3 kaedah alternatif dalam

pertimbangan untuk pelaksanaan skim ini sama ada melalui pemberian secara terus kepada pemohon tanpa ada bayaran pemulangan semula bayaran atau pembayaran secara bulanan dalam tempoh 5 tahun sehingga 10 tahun atau pemulangan pembayaran dibuat semula semasa urusan jualan rumah (subsale). Untuk itu, satu kertas cadangan dan mekanisme pelaksanaan skim ini akan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dijangka pada bulan Ogos 2017 untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.

Sehubungan dengan itu, kelayakan penawaran Skim ini akan dibuat berdasarkan permohonan pemohon yang ditawarkan Rumah Selangorku di dalam Negeri Selangor.